

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

### DOSM perlu diperkukuh sebagai penyelaras statistik

## DOSM perlu diperkukuh sebagai penyelaras statistik

**KUALA LUMPUR** — Peranan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) perlu diperkukuhkan sebagai penyelaras kebangsaan dalam pengumpulan statistik.

Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, pada masa ini, statistik yang dilaksanakan terutamanya oleh kementerian atau agensi kerajaan dilaksanakan sendiri oleh mereka tanpa merujuk kepada DOSM.

"Sebelum ini kita telah menyemak dan berbincang dengan pelbagai negara termasuk Suruhanjaya Statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mana semua negara perlu memperkukuhkan tadbir urus punca kuasa pengeluar statistik.

"Sekarang ini, kementerian dan agensi boleh bergerak sendiri tanpa merujuk kepada DOSM. Justeru, DOSM perlu diperkukuhkan antaranya peranan sebagai penyelaras kebangsaan dalam pengumpulan statistik,"



TIMBALAN Menteri Ekonomi, Datuk Haniffah Hajar Talib (tiga dari kanan) bersama Mohd. Uzir (tiga dari kiri) di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia di Kuala Lumpur semalam.

katanya.

Beliau berkata kepada pemberita pada Persidangan Statistik Malaysia ke-10 (MyStats) 2023 di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia (BNM), di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) kini di peringkat akhir pindaan serta dijanja dibentangkan di Dewan Rakyat pada Julai 2024.

Katanya, pindaan perlu dibuat memandangkan akta tersebut sudah agak lama selain membolehkan penglibatan DOSM dalam pengumpulan data.

"Dengan pindaan ini, satu sis-

tem yang membolehkan penglibatan DOSM di dalam pengumpulan statistik di agensi akan lebih telus dan lebih keterangan berbanding akta sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, dengan Pindaan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) itu juga, DOSM boleh memastikan urus taidbir statistik yang dilaksanakan agensi serta kementerian mengikut piawaian amalan terbaik yang diletakkan di peringkat antarabangsa.

Terdahulu, Mohd. Uzir dalam ucapannya berkata, pada 9 September 2020, Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju dengan cadangan DOSM untuk mengukuhkan sistem statistik negara dikenali sebagai Pelan Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN).

"Antara agenda penting PSSN adalah Pindaan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) yang antara lain bertujuan memperkasakan peranan dan fungsi DOSM," ujarnya.